



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media

Unit Komunikasi Korporat

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / UKK / 04 / 1-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang

Surat kepada Pengarang

Berita Harian

Ramai penyewa flet DBKL bukan orang susah

Kami merujuk kepada cadangan serta harapan oleh *ANAK JATI KOTARAYA, Kuala Lumpur* bertarikh 24 Julai 2009 dan ingin menjelaskan mengenainya.

Penyewa flat DBKL mendiami unit-unit sewaan menerusi kemasukan secara **pemindahan setinggan** atau / dan melalui **Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT)**.

Bagi kemasukan **secara pemindahan**, penyewa merupakan setinggan sesebuah kawasan yang ditawarkan ke unit-unit flat secara berkumpulan berdasarkan bincian yang telah dibuat tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi keluarga berkenaan.

Manakala bagi kemasukan **secara SPT**, orang awam boleh memohon unit flat DBKL dengan memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

- i. Telah berkahwin;
- ii. Suami dan isteri warganegara Malaysia;
- iii. Pendapatan terkumpul suami / isteri hendaklah tidak kurang dari RM300.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 sebulan untuk rumah kos rendah dan RM3,500.00 untuk rumah kos sederhana rendah;
- iv. Pemohon atau suami / isteri tinggal atau bekerja di Kuala Lumpur;
- v. Tidak memiliki rumah atau tanah dalam lingkungan 35 km dari pusat bandar Kuala Lumpur;
- vi. Bukan penjenayah, penagih dadah, gila dan seumpamanya; dan
- vii. Kes-kes tertentu mengikut merit.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan DBKL sedaya upaya cuba untuk memberikan kemudahan kepada seluruh warga Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada setinggan untuk mendiami unit-unit flat DBKL.

DBKL mengucapkan terima kasih kepada *ANAK JATI KOTARAYA, Kuala Lumpur* di atas cadangan serta harapan yang telah dikemukakan.

Sekian.

Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
30 Julai 2009
7 Syaaban 1430H

- Tamat -